

B A B  
P E R T A M A

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latarbelakang Masalah

Kesedaran umat Islam terhadap agamanya telah mula ketara dewasa ini. Di mana-mana sahaja masyarakat memperkatakan tentang kebangkitan Islam. Kebangkitan ini lahir ekoran dari kelancaran perjalanan Dakwah Islamiyyah itu sendiri.

Media cetak merupakan salah satu alat penyebaran dakwah yang berkesan. Berbagai makalah, risalah dan buku-buku bercorak keislaman dapat diterbitkan melaluiinya. Melalui sumber ini, fikrah Islamiyyah dapat disalurkan sepenuhnya ke jiwa-jiwa umat Islam sehingga mereka dapat membezakan antara yang haq dan bātil seterusnya dapat menolak segala bentuk penyelewengan yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam yang ingin mamesungkan aqidah umat Islam.

Umat Islām kini sudah mula mengorak langkah mempertingkatkan keimanan terhadap Allah. AlQurān dan Sunnah sebagai uratnadi Islam sudah mula diperdalam dan dihayati. AlQuran merupakan kitabullah yang memerlukan penjelasan dan penerangan dari Rasulullah s.a.w. Firman Allah s.w.t.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Surah An-Nahl, ayat 44

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسَ مَا نَهَى  
إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

"Kami turunkan kepada kamu Al-Qurān, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka (perintah-perintah, larangan-larangan, aturan-aturan dan lainnya) supaya mereka berfikir."

Penerangan dan penjelasan Rasūlullāh s.a.w. ini digambarkan perbuatan, perkataan atau persetujuan baginda s.a.w. terhadap perkataan dan perbuatan para sahabat. semuanya ini diistilahkan dengan sunnah atau hadīth.

Islam adalah agama yang mengatur kehidupan manusia berpendukan al-Qur'ān dan hadīth. Ia menjamin keamanan dan kesejahteraan sejagat. Menyedari akan kepentingan al-Sunnah ini, perlulah bagi umat Islam seluruhnya memperdalam dan menghayatinya malah berusaha bagi mempertahankannya kerana dewasa ini terdapat golongan anti hadīth yang yang menafikan peranan hadīth sebagai sumber perundangan Islam. Fahaman mereka ini mencabar aqīdah umat Islam dan telah menular di mana-mana.

Adalah menjadi kewajipan umat Islam kini mencari jalan untuk menangani permasalahan ini agar ianya dapat dihapuskan. Sebagai salah satu caranya ialah dengan memperbanyak penulisan-penulisan hadīth untuk disebarluaskan kepada umat Islam bagi menolak dan menyanggah fahaman

yang menyeleweng ini. Umat Islam perlu diperjelaskan tentang kebenaran hadith serta kesahihannya.

Lantaran itu, penulis merasakan perlu membuat penyelidikan tentang sejauhmanakah usaha pelbagai pihak khususnya bahagian penerbitan dalam rangka usaha memperluaskan penyebaran hadith. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh penerbit dan bagaimanakah sambutan masyarakat terhadapnya.

## 1.2 Skop pengkajian

Membincangkan tentang usaha-usaha penerbitan buku-buku hadith di Malaysia merupakan kupasan dan perbincangan yang luas dan meliputi semua bahagian penerbitan. Oleh itu penulis akan membataskan perbahasan ini terhadap bahagian penerbitan di sekitar Wilayah Persekutuan dan beberapa tempat di negeri lain seperti Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri, Yayasan Dakwah Islamiyah, Yayasan Islam Terengganu, Pustaka Aman Press, Dian DarulNaim dan sebagainya.

Pembatasan ini dibuat untuk memudahkan penulis dalam membuat pengkajian. Di samping itu penulis juga cuba meninjau permasalahan yang ada dan peranan yang dimainkan oleh pihak penerbit bagi menyelesaikan permasalahan tersebut bagi melahirkan umat Islam yang benar-benar memahami ajaran Islam khususnya hadith.

### 1.3 Pengertian Tajuk

Tajuk yang dipilih oleh penulis dalam latihan ilmiah ini ialah 'Usaha-usaha Penerbitan Hadīth di Malaysia'. Sebelum penulis meneruskan perbincangan lebih lanjut, penulis akan menghuraikan pengertian tajuk secara mendalam.

Usaha ialah daya upaya, ikhtiar, kegiatan, perbuatan untuk menyampaikan sesuatu maksud<sup>2</sup> atau kegiatan dengan menggerahkan tenaga mental dan fizikal dalam mencapai sesuatu maksud.<sup>3</sup> Penerbitan ialah kata terbitan dari 'terbit' yang bererti keluar atau siap untuk dicetak dan diedarkan. Penerbitan ialah urusan atau pekerjaan menerbitkan sesuatu makalah, risalah, buku-buku dan sebagainya.<sup>4</sup>

Hadīth merupakan sumber kedua dalam shari'at Islam selepas al-Qur'an. Ini dibuktikan oleh Sirah Rasūlullāh s.a.w. dan al-Qur'an sendiri. Firman Allah s.w.t,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأُمَّرَاءِ مِنْكُمْ فَلَمَّا نَزَّلْنَا عَلَيْهِمْ فِي تَبَّأْنِي قَرْدَحَةً إِلَى اللَّهِ وَإِلَى الرَّسُولِ إِنَّ كُلَّنَا تَوْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

---

<sup>2</sup> Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Pustaka, Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur, 1970, m.s. 1331.

<sup>3</sup> W.J.S Poerwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Balai Pustaka Jakarta, 1961, m.s.

<sup>4</sup> Op.cit., Teuku Iskandar, m.s. 1241.

Maksudnya:

"Wahai mereka yang beriman, hendaklah kamu taat kepada Allah dan hendaklah kamu taat kepada Rasūl dan yang mempunyai kekuasaan (أول الأمر) dari kalangan kamu (dari kalangan orang-orang yang beriman) dan jika kamu berselisihan di dalam sesuatu perkara hendaklah kamu rujukkan kepada Allah dan Rasūl jika kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat".<sup>5</sup>

Rasūlullāh s.a.w sendiri pernah menggesa umatnya supaya mengambil al-Qurān dan Hadīth sebagai teras bagi 'aqīdah yang menjamin keselamatan umat sejagat. Sabdanya dalam sebuah hadith saḥīh,

ترَكْتُ فِيمَنْ لَنْ تَضْلُّوا مَسْكُونَ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ.

Maksudnya:

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitabullāh (al-Qur'ān) dan Sunnah NabiNya (Hadīth)".<sup>6</sup>

Pemulis tidak bermaksud untuk membentangkan kesemua nas al-Qur'ān dan lainnya yang berkaitan dengan hadīth melainkan sekadar menerangkan dalil kepada pengertian hadīth.

Manakala Malaysia ialah tempat di mana penulis membuat penyelidikan dengan memfokaskan kepada bahagian percetakan yang terdapat di Wilayah Persekutuan dan beberapa tempat di negeri lain.

---

<sup>5</sup> Surah an-Nisā', ayat 59

<sup>6</sup> Riwayat Bukhārī Muslim serta beberapa 'ulama hadīth. Lihat Malik bin Anas, al-Muwattā', Muhammad Fu'ad Abd al-Baqī, Misr: 'Isa al-Babī al-Halabi: 1951, m.s. 899.

## Rumusan Masalah

Berdasarkan pengertian tajuk yang telah dibentangkan di atas dapatlah dirumuskan beberapa noktah penting seperti berikut:

1. Sejauhmanakah usaha-usaha bahagian penerbitan mengeluarkan buku-buku hadith.
2. Mengenali tokoh-tokoh yang memberi sumbangan.
3. Apakah masalah -masalah yang dihadapi dalam usaha menerbitkannya.
4. Sambutan masyarakat umum terhadap hadith.

Penulis akan menghuraikannya dengan lebih terperinci dalam bab keempat.

### 1.4 Tujuan Penyelidikan

Setiap penyelidikan yang dijalankan pasti mempunyai beberapa tujuan tertentu. Dalam hal ini, tujuan utama penulis membuat penyelidikan ini ialah seperti berikut,

1. Kajian ilmiah ini ditulis sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Usūluddin seperti yang telah ditetapkan oleh fakulti kepada pelajartahun akhir.

2. Penulis bertujuan untuk mengetahui tentang usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak penerbitan di Malaysia dalam mengeluarkan hadith.

3. Untuk mengenalpasti pihak penerbitan yang memainkan peranan penting dalam menerbitkan hadīth.
4. Mengetahui permasalahan semasa yang dihadapi oleh penerbit.
5. Memberi idea-idea baru untuk dilaksanakan oleh pihak penerbit dalam menghadapi cabaran semasa seterusnya bagi menjamin sambutan yang baik oleh masyarakat seluruhnya.
6. Memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang pentingnya hadīth untuk diperdalam dan dihayati.
7. Untuk mengenali tokoh-tokoh hadīth tempatan bagi mengenang jasa mereka terhadap penyebaran Da'wah Islāmiyyah amnya dan penyebaran hadīth khususnya.
8. Menambahkan bahan-bahan penulisan dan bacaan berbentuk Islam khususnya mengenai hadīth.
9. Akhirnya, untuk memberikan pengalaman baru kepada penulis se-  
terusnya sebagai perintis jalan kepada bentuk kajian lain di masa akan datang.

## 1.5 Metodologi

Dalam rangka penulisan latihan ilmiah ini, penulis telah menggunakan beberapa metod. Metod-metod itu adalah seperti berikut:

1. Metod Pengumpulan Data
2. Metod Analisa Data dan Penulisan

### 1.5.3 Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha untuk mendapatkan segala data dan fakta yang dibutuhkan, penulis dalam menggunakan metode-metode berikut:

a. Metod Observasi

b. Metod Dokumentasi

c. Metod Interview

d. Metod Spesifikasi

### 1.5.4 Metod Analisa Data dan Penulisan

Dalam membuat analisa data dan penulisan, penulis menggunakan beberapa metode berikut. Hal berikut dapat dilihat penulisan yang baik dan penulisan yang buruk, berdasarkan teori. Hal tersebut menjadi metode yang digunakan:

a. Metod Deduktif

b. Metod Induktif

c. Metod Komparatif

Kemudian tentang metod-metod diatas penulis jalinan dalam bentuk ringkasan.

## 1.6 Susunan Penulisan

Dalam kajian ini penulis telah membahagikan kepada beberapa bab yang tertentu yang bertujuan supaya dapat membuat analisa data dan penulisan yang baik dan bermutu.

Dalam bab I, penulis telah memperkenalkan latar belakang masalah kajian diikuti dengan penjelasan terhadap pengertian tajuk. Daripada pengertian tersebut, penulis merumuskan masalah yang akan dibahaskan dalam kajian ilmiah ini. Penulis juga membentangkan tujuan penulisan, metodologi secara umum dan susunan penulisan yang menyentuh tentang bab-bab yang akan dibentangkan.

Dalam bab II, penulis menghuraikan apa yang dijadikan landasan dalam penulisan ini. Di sini dinyatakan tentang peringkat penulisan hadīth dari zaman awal Islam hingga ke zaman mutakhir. Kitab-kitab hadīth serta tokoh-tokohnya yang termashyur dalam setiap peringkat juga diperkenalkan.

Dalam bab III, penulis membentangkan tentang metodologi dengan membahagikan kepada dua aspek cara pengumpulan data dan fakta seterusnya cara membuat penganalisaan dan penulisan setelah fakta dan data terkumpul.

Dalam bab IV, penulis menghurai, mengolah dan menyusun isi data dan fakta yang telah terkumpul bagi menghasilkan penulisan yang menepati syarat-syarat pengkajian ilmiah ini. Penulis meninjau sejauh mana sambutan dan keperluan masyarakat terhadap buku-buku hadith melalui soalselidik yang telah diedarkan kepada bahagian penerbitan samada syarikat persendirian atau agensi kerajaan. Penulis juga memaparkan tentang usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak penerbit tersebut dalam menerbitkan hadith.

Dalam bab V pula, penulis membuat rumusan dan kesimpulan serta memberi saranan-saranan berdasarkan perbahasan yang telah dibuat dalam bab IV. Saranan-saranan ini dibuat sebagai langkah untuk menyelesaikan atau memperbaiki apa yang berlaku.